

Hikmah di sebalik ibadah haji

UM 9/8/14 MS 3.

ALHAMDULILLAH, sedar tak sedar kita sebagai umat Islam merasakan lambaian kaabah sudah hampir tiba, dan Syawal ini merupakan salah satu daripada bulan haji. Justeru, panggilan haji sudah pasti mengundang pelbagai persoalan kepada yang dipilih sebagai tetamu tuhan atau disebut sebagai Duyufurrahman.

Tatkala Allah SWT menyebut berkenaan dengan matlamat atau tujuan haji maka disebut dengan kalimat *Liyashadu manafia'* lahum yang memberi maksud supaya mereka menyaksikan banyak manfaat untuk mereka.

Syed Qutb dalam 'fi Zilali Quran' berkata: Setiap generasi umat Muslimin dapat menikmati manfaat-manfaat itu mengikut keadaan, keperluan, pengalaman dan kehendak masing-masing.

Itulah sebahagian faedah-faedah yang dikehendaki Allah ketika memfardhukan ibadah haji ke atas umat muslimin dan memerintah Nabi Ibrahim AS mengumumkan ibadah itu di kalangan umat manusia.

Perkataan manfaat didatangkan dalam bentuk nakirah dan jamak yang memberi erti amat banyak sehingga setiap orang akan mendapati pelbagai bentuk manfaat. Sebahagian ulama' membahagikan manfaat kepada dua iaitu manfaat dunia dan manfaat agama atau akhirat.

• **Manfaat Dunia** Antaranya seperti



seperti solat dan lain-lainnya yang sudah pasti memberi banyak kelebihan kepada yang pernah melaksanakan ibadah haji.

• Menghidupkan serta menyuburkan hakikat sebenar persaudaraan dan hubungan sesama Islam dari pelbagai

negara, bangsa dan bahasa.

• Ibadah haji adalah lambang kesamarataan dan persamaan taraf dalam kalangan umat Islam. Menghilangkan rasa keegoan, takbur dan tiada perbezaan antara yang kaya mahupun berdarjat.

• Haji merupakan sebesar-besar peringatan untuk umat Islam mengambil muhasabah, ini kerana banyak tempat dalam pelaksanaan ibadah haji mempunyai sejarah tersendiri berkaitan dengan nabi dan rasul terdahulu.

• Haji juga membawa manfaat dan limpahan rezeki kepada orang yang tidak kemampuan yang berada di kota suci Makkah.

• Haji merupakan satu tarbiyyah fizikal dalam menempuh kehidupan, menanggung kesukaran, mendidik kesabaran, membentuk akhlak tawaduk, toleransi serta sifat-sifat mahmudah.

• Antara hikmat haji bagi menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah SAW dan para sahabatnya.

Semoga sedikit falsafah ini memberi peluang kepada kita yang mendapat panggilan haji sebagai Duyufurrahman untuk memahami serta dapat menghayati hikmat dan falsafah haji dengan sebaiknya yang akhirnya dapat kita meraih haji yang mabrur. Amin.


• **Manfaat Dunia.** Antaranya seperti bidang peniagaan dan ekonomi, transaksi kewangan, perhotelan, sewaan kenderaan dan pelbagai bentuk pengkhidmatan yang memberikan keuntungan dan pembangunan ekonomi.

• **Manfaat Agama atau Akhirat.** Cara terbaik untuk melaksanakan ibadat

ibadat haji. Hikmah dan falsafah disebalik penyariatannya haji, antaranya:

• Haji merupakan satu penghimpunan terbesar di satu tempat dan dipimpin melalui pelakuan, masa, tempat yang sama dengan semata-mata menjunjung manasik al-hajj dalam meraih keredaanNya.

CARA MENERJAKAN HAJI



CARA MENERJAKAN HAJI TAMATTU'

Mandi sunat ihram	SUNAT	8 atau 9 Zulhijjah / Di Makkah
Memakai pakaian ihram	WAJIB	
Sembahyang sunat ihram	SUNAT	
Niat ihram haji	RUKUN	
Niat di miqat (Tanah Haram)	WAJIB	Lepas niat hingga tahallul
Meninggalkan larangan dalam masa berihram	WAJIB	
Talbiah	SUNAT	Lepas niat hingga mula melontar
Wukuf	RUKUN	9 Zulhijjah / Di Arafah
Mabit di Muzdalifah	WAJIB	Malam 10 Zulhijjah / Di Muzdalifah
Mengutip anak batu di Mudzaliifah	SUNAT	
Melontar Jamrah Kubra	WAJIB	Pada 10, 11 12 dan 13 Zulhijjah / Di Mina
Bercukur atau bergunting	RUKUN	
Mabit di Mina 11,12, 13 Zulhijjah	WAJIB	
Melontar 3 jamrah 11, 12, 13 Zulhijjah	WAJIB	
Tawaf haji	RUKUN	Di Baitullah
Sa'ie haji	RUKUN	Di Masa
Tertib pada kebanyakan rukun	RUKUN	Selepas wukuf